

Kematian pedoman kehidupan

Metro 15/6/12 MS 3.

Banyakkan mengingatnya dengan akal budi dan hikmah tinggi



INGAT MATI...kehidupan di dunia hanya sementara, di akhirat kelak kekal abadi. - Gambar hiasan

SETINGGI mana sekalipun pangkat disandang, sekuat mana fizikal atau harta banyak bertimbun, apabila sudah sampai masanya malaiikat Izrail pasti datang menghampiri bagi mengakhiri episod kehidupan kita di dunia ini.

Jenazah dimandikan, dikafankan dengan kain serba putih, kemudian disembahyangkan, diusung ke tanah perkuburan dan akhirnya dimasukkan ke liang lahad.

Demikian babak terakhir perjalanan kehidupan manusia. Pernahkah kita menginsafi hakikat itu dan pernahkah kita membayangkan diri kita sendiri diusung sebagai jenazah itu?

Ingatlah peringatan Allah, "Setiap yang bernyawa pasti merasakan mati. Kami menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai dugaan yang sebenar-benarnya. Dan hanya kepada Kamillah kamu dikembalikan." (Maksud Surah al-Anbiya ayat 35).

Pesanan Allah itu perlu kita wartakan sekemas-kemasnya dalam minda supaya sentiasa mengingati kematian. Menerusi kaedah itu saja kita dipandu arah yang luhur.

Alam kubur atau alam barzakh adalah taman dari taman-taman syurga atau boleh menjadi jurang dari jurang neraka. Seandainya amalan yang meraih pahala kita bawa bersama bermakna kita berada dalam taman syurga meski pun masih di tahap alam barzakh.

Tulah anugerah Allah kepada orang beriman, bertakwa dan aktif dalam amal soleh. Sebaliknya jika sejarah hitam yang penuh dosa dan mungkar

kita berhadapan dengan jurang neraka.

Bagaimana sikap yang perlu kita miliki terhadap kematian? Dalam hal itu, kita teliti apa yang pernah dikemukakan ilmuwan nusantara tersohor yang juga seorang ulama terbilang Profesor Hamka, katanya terdapat tiga sikap

manusia dalam menghadapi persoalan kematian.

Pertama, golongan yang tidak langsung mengingati kematian. Kata Hamka, golongan itu tidak terbayang dalam kotak pemikiran dan tidak menzahirkan dalam amalan yang menunjukkan mereka berhadapan dengan ajal suatu ketika nanti.

Mereka dalam kategori itu lebih sibuk dengan hal ehwal keduniaan sama ada membabitkan urusan harta benda mahu pun anak isteri. Mereka hanyut buai keasyikan nikmat dunia lalu tiada lagi istilah kematian yang berlegar dalam minda fikir.

Kata Hamka, golongan seperti itu adalah mereka yang rug

tatkala nyawa berakhir hayatnya. Senario semasa yang dunia masa kini masih tebal dihantui dengan aneka ragam gejala sosial melambangkan kategori insan yang lupa hakikat kematian.

Mungkin mereka berasakan yang diri mereka masih muda atau berasa masih bertenaga kuat. Jika begini gaya pemikirannya, ternyata mereka silap perhitungan.

Ajal maut itu boleh datang secara tiba-tiba dan tiada sesiapa mampu 'mengintip' rahsia Allah bilakah saatnya tarikh dan waktu sebenar kematian kita.

Terdapat insan yang diulit keghairahan mengaut untung dunia dengan memperbanyakkan koleksi harta, namun begitu liat berzakat atau bersedekah.

Sikap rakus dan tamak menakluki diri dan jiwa hingga tidak nampak kedaifan golongan miskin yang perlukan bantuan. Paradigma serong dan terpesong itu terus dianuti hingga akhirnya ajal mengundang. Di saat itu penyesalan sudah tidak berguna lagi.

Golongan kedua adalah mereka yang takut menghadapi kematian iaitu sentiasa mengingatnya khususnya ketika bersendirian di samping itu proaktif memikirkan impak kematian terhadap diri sendiri, hartanya, ahli keluarganya dan segala-galanya yang disayangi selama ini.

Disebabkan asyik diburu rasa takut kepada kematian, lantas mereka sentiasa dihantui

rasa cemas, takut yang tidak bersebab. Kemudian muncul rasa berputus asa terhadap rahmat Allah dalam menerus kehidupan.

Golongan berkenaan mengalami trauma emosi yang mendorong kepada terbinanya sikap negatif terhadap alur kehidupan. Hamka berkata, walaupun golongan seumpama itu takut munculnya kematian, perubahan sikap untuk berubah kepada kebaikan tidak juga muncul dalam diri.

Sementara kategori ketiga adalah mereka yang mengingati mati dengan akal budi dan hikmah yang tinggi. Mereka menjadikan peristiwa kematian sebagai dorongan untuk berubah.

Segala perintah Allah dilaksanakan dan segala larangan dijauhi. Ingatlah satu peringatan Rasulullah berkenaan kematian.

Kisah dialog antara Abu Zar dengan Rasulullah, dikatakan Abu Zar bertanya kepada Baginda berkenaan isi kandungan Sufur yang diturunkan kepada Nabi Musa lalu kata Baginda, "Sesungguhnya itu mempunyai pengajaran. Aku hairan manusia yang meyakini kematian, tetapi tetap riang gembira terhadap manusia yang meyakini mereka, tetapi tetap tertawa terhadap manusia yang meyakini takdir, tetapi bersusah payah melakukan sesuatu (tanpa tawakal) terhadap manusia yang yakin akan kehancuran dunia dan penghuninya, tetapi tetap tenang di atasnya dan terhadap manusia yang meyakini adanya hisab, tetapi tetap terus tidak beramal (kebaikan)." (Hadis riwayat Ibnu Hibban).

Kita seharusnya memfokuskan jalan kehidupan atas landasan agama yang benar dan jangan sesekali membiarkan diri ditakluki hasutan syaitan.